



**PROSEDUR OPERASI STANDARD (STANDARD OPERATING PROCEDURE)
JANGKITAN 2019-nCoV**

PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN

A. Tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh pihak Sekolah / Maktab / PTE / IPT / Sekolah Swasta / Sekolah Antarabangsa.

Bil.	Tindakan	Tindakan oleh	Tempoh / jangkamasa
1.	Menubuhkan Jawatankuasa Pengawasan dan Pencegahan Jangkitan 2019-nCoV (JKPP – Jangkitan 2019-nCoV).	Pemimpin Sekolah/ Maktab/ PTE/ IPT/ Sekolah Swasta / Sekolah Antarabangsa	Serta-merta
2.	Mengedarkan Surat Makluman kepada Ibu Bapa atau Penjaga dengan berpandukan kepada Surat Pemberitahuan yang dikeluarkan oleh Pejabat Setiausaha Tetap.	JKPP – Jangkitan 2019-nCoV	Serta-merta
3.	Memberigakan maklumat, tatacara pencegahan dan pengawalan jangkitan 2019-nCoV kepada warga Sekolah / Maktab / PTE / IPT/ Sekolah Swasta / Sekolah Antarabangsa dengan: 3.1 Mengadakan sesi taklimat oleh wakil dari Kementerian Kesihatan (mengikut kesesuaian jadual Kementerian Kesihatan); 3.2 Mengedaran <i>leaflet/brochure/posters</i> jangkitan 2019-nCoV (yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan); 3.3 Memuat naik maklumat mengenai jangkitan 2019-nCoV ke laman sesawang Kementerian Pendidikan.	DA (HSE) / MOH	Secara berterusan
4.	Mengadakan aktiviti-aktiviti keagamaan seperti: 4.1 Membaca doa tolak bala sebelum memulakan sesi pembelajaran / pengajian; 4.2 Membaca zikir/doa bagi menjauhi/ mengelakkan penyakit-penyakit yang berjangkit.	JKPP – Jangkitan 2019-nCoV	Secara berterusan

Bil.	Tindakan	Tindakan oleh	Tempoh / jangkamasa
5.	Menyediakan peralatan bagi pemantauan dan pencegahan jangkitan 2019-nCoV seperti <i>mask</i> , <i>non-contact infrared thermometer</i> , sabun cecair, <i>hand sanitizer</i> , <i>electrical hand dryer</i> dan <i>disposable paper hand towel</i> .	JSS / IPT/ Sekolah Swasta / Sekolah Antarabangsa	Serta-merta
6.	Menyediakan Buku Catatan Kesihatan (<i>Logbook</i>) untuk mencatat status kesihatan warga Sekolah / Maktab / PTE / IPT / Sekolah Swasta / Sekolah Antarabangsa. 6.1 Nama, kelas dan alamat rumah; 6.2 Tarikh dan jam; 6.3 Jam menghubungi ibu bapa/penjaga; 6.4 Jam pelajar diambil ibu bapa/penjaga; 6.5 Simptom (suhu badan di atas paras normal dan nyatakan berapa °C/ bersin/ batuk/ sakit perut dan cirit-birit); 6.6 Tandatangan ibu bapa/penjaga; 6.7 Tandatangan guru / instruktur/ pensyarah.	JSS / IPT/ Sekolah Swasta / Sekolah Antarabangsa	Serta-merta
7.	Memastikan warga Sekolah / Maktab / PTE / IPT / Sekolah Swasta / Sekolah Antarabangsa sentiasa menjaga dan mengamalkan kebersihan diri dengan: 7.1 Mengamalkan mencuci tangan dengan air yang bersih dan sabun cecair atau bahan pencuci tangan (<i>hand sanitizer</i>) sebelum makan dan selepas menggunakan tandas; 7.2 Mengamalkan menutup mulut dan hidung apabila batuk serta bersin, dengan menggunakan tisu dan terus buang. Setelah itu cuci tangan dengan sabun cecair atau bahan pencuci tangan (<i>hand sanitizer</i>) dan keringkan. 7.3 Mengelakkan dari berkongsi peralatan peribadi seperti sapu tangan, tuala dan sebagainya; 7.4 Menggunakan <i>mask</i> bagi mereka yang didapati mengalami salah satu simptom-simptom jangkitan.	Warga Sekolah / Maktab / PTE/ IPT / Sekolah Swasta / Sekolah Antarabangsa	Secara berterusan
8.	Memastikan kawasan Sekolah / Maktab / PTE/ IPT / Sekolah Swasta / Sekolah Antarabangsa sentiasa berada dalam keadaan bersih dengan mengadakan aktiviti-aktiviti menjaga/ mengekalkan kebersihan harian, kempen kebersihan secara berkala dan sebagainya.	JKPP – Jangkitan 2019-nCoV	Secara berterusan
9.	Memantau status kesihatan pelajar dengan mengadakan pemeriksaan suhu badan di pintu utama Sekolah / Maktab / PTE / IPT / Sekolah Swasta / Sekolah Antarabangsa atau bilik darjah / kuliah sebelum pendaftaran harian dijalankan. Antara salah satu simptom-simptom jangkitan berikut adalah: 9.1 Batuk; 9.2 Selesma;	JKPP – Jangkitan 2019-nCoV	Secara berterusan

Bil.	Tindakan	Tindakan oleh	Tempoh / jangkamasa
	9.3 Sakit tekak; 9.4 Sakit kepala; 9.5 Susah bernafas atau sesak nafas; 9.6 Rasa kurang sihat; 9.7 Sakit perut atau cirit-birit.		
10.	Jika: 10.1 Ada mengalami salah satu simptom , rujuk proses tindakan no. 11 dan 12; 10.2 Tidak ada mengalami salah satu simptom , warga Sekolah / Maktab / PTE/ IPT / Sekolah Swasta / Sekolah Antarabangsa akan meneruskan pembelajaran/ pengajian seperti biasa.	JKPP – Jangkitan 2019-nCoV	Serta-merta
11.	11.1 Pelajar 11.1.1 Pihak Sekolah/ Maktab/ PTE/ IPT/ Sekolah Swasta / Sekolah Antarabangsa hendaklah menghubungi ibu bapa atau penjaga untuk membawa balik pelajar tersebut dan DINASIHATKAN untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan segera di Pusat Kesihatan atau klinik berdekatan; 11.1.2 Pihak Sekolah/ Maktab/ PTE/ IPT/ Sekolah Swasta/ Sekolah Antarabangsa membawa pelajar berkenaan untuk berehat di bilik <i>Sick Bay</i> sementara menunggu ibu bapa atau penjaga; 11.1.3 Pelajar berkenaan hendaklah memakai <i>mask</i> semasa berada di Sekolah/ Maktab/PTE/ IPT/ Sekolah Swasta / Sekolah Antarabangsa. 11.2 Tenaga pengajar dan kakitangan Pemimpin Sekolah/ Maktab/ PTE/ IPT / Sekolah Swasta/ Sekolah Antarabangsa menasihatkan tenaga pengajar/ Kakitangan untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan segera di Pusat Kesihatan atau klinik berdekatan.	Pihak Sekolah/ Maktab/ PTE/ IPT/ Sekolah Swasta / Sekolah Antarabangsa Tenaga pengajar / kakitangan	Pada hari yang sama
12.	Mencatat dalam Buku Catatan Kesihatan (<i>Logbook</i>) sebelum keluar Sekolah/ Maktab/ PTE/ IPT/ Sekolah Swasta / Sekolah Antarabangsa.	JKPP – Jangkitan 2019-nCoV	Pada hari yang sama

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MANUAL PROSEDUR KERJA
CARTA ALIRAN KERJA**

MOE/MPK/2019-nCoV

AKTIVITI KERJA : PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN JANGKITAN 2019-nCoV

(A: Tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh pihak Sekolah / Maktab / PTE / IPT / Sekolah Swasta / Sekolah Antarabangsa)

